

## **D.R. 19/92**

### **Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

# **RANG UNDANG-UNDANG HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1992**

## **SUSUNAN FASAL**

### Fasal

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan.
4. Kehendak bagi mendapatkan lesen.
5. Permohonan bagi mendapatkan lesen.
6. Kuasa untuk menghendaki maklumat.
7. Tempoh lesen.
8. Lesen hendaklah dipamerkan.
9. Lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak.
10. Jaminan.
11. Pembatalan lesen.
12. Rayuan.
13. Larangan menjual, dsb., tiket bagi sesuatu hiburan dan mengiklankan atau menyerentakannya sebelum mendapat lesen.
14. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran.
15. Pengecualian.
16. Kuasa untuk masuk dan menyiasat.
17. Kuasa menutup.
18. Kuasa untuk menghendaki butir-butir.
19. Kuasa penangkapan.
20. Pengeledahan.
21. Kuasa menyita.
22. Benda-benda yang disita boleh dikenakan perlucuthakan.
23. Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan atau perlucuthakan benda-benda yang disita.

## RANG UNDANG-UNDANG

### Fasal

24. Benda-benda yang disita yang dikenakan dengannya tiada pendakwaan disifatkan telah terlucuthak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan.
25. Halangan.
26. Liabiliti pengarah, dsb.
27. Penjalanan pendakwaan di mahkamah.
28. Pengkompaunan kesalahan-kesalahan.
29. Penalti am.
30. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.
31. Pemansuhan dan kecualian.

## RANG UNDANG-UNDANG

- (b) pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupa-makhluk-makhluk benar atau khayalan;
- (c) sarkas dan pameran binatang;
- (d) pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf atau rupa-patung atau rupa-rupa lain bentuk manusia atau binatang;
- (e) pameran filem sinematograf, wayang gambar video dan pertunjukan boneka;
- (f) reproduksi atau siaran, dengan apa-apa cara jua pun selain daripada telefoni atau telefoni radio, bagi apa-apa muzik, lagu atau ucapan, selain daripada yang berkaitan dengan sesuatu filem sinematograf;
- (g) mesin dan peranti yang, jika dimanipulasi, memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang;
- (h) meja pin dan permainan video;
- (i) apa-apa jenis pertandingan sukan di antara apa-apa bilangan orang atau binatang;
- (j) pertandingan terancang bagi permainan kemahiran atau nasib;
- (k) pesta perdagangan yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil industri atau bahan-bahan;
- (l) apa-apa kombinasi bagi mana-mana bentuk hiburan yang tersebut di atas; atau
- (m) apa-apa hiburan lain yang diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah dalam *Warta*,

di mana-mana tempat yang orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran wang atau balasan-balasan lain;

"mahkamah" ertinya mahkamah Majistret Kelas Pertama;

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

"meja-pin" ertinya apa-apa meja, papan atau alatan lain, yang dikendalikan dengan syiling atau cakera, yang direkabentuk untuk membolehkan pengendalinya bermain suatu permainan, yang kejayaannya diukur dengan pendorongan satu atau lebih daripada satu objek bergerak ke arah sasaran atau matlamat atau dengan pemerolehan suatu bilangan mata atau dengan keduanya;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

"orang diberikuasa" ertinya mana-mana orang yang khas diberikuasa oleh Dato Bandar secara bertulis bagi maksud itu;

"Dato Bandar" ertinya Dato Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960;

"tempat hiburan" ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau apa-apa perahu di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan dan yang ke situ orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan.

3. Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi Dato Bandar arahan-arahan yang bersifat am, dan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, tentang penjalanan kuasa-kuasa dan budi-budi bicara yang diberikan kepada Dato Bandar oleh Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dan Dato Bandar hendaklah melaksanakan semua arahan sedemikian.

Kuasa  
Menteri  
untuk  
mengeluarkan  
arahan.

4. (1) Tiada hiburan boleh diadakan di mana-mana tempat hiburan melainkan Dato Bandar telah memberi—

Kehendak  
bagi  
mendapatkan  
lesen.

(a) suatu lesen berkenaan dengan hiburan tersebut;  
dan

(b) suatu lesen untuk membuka tempat hiburan tersebut.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi mendapatkan lesen.

5. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan sesuatu lesen di bawah seksyen 4(1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan kepada Dato Bandar.

(2) Dato Bandar boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan lesen dengan atau tanpa mengenakan apa-apa syarat kepadanya atau enggan memberikan lesen tersebut.

(3) Jika sesuatu permohonan bagi mendapatkan sesuatu lesen dibenarkan, lesen tersebut hendaklah dikeluarkan apabila dibayar fee yang ditetapkan.

(4) Tiada lesen hiburan boleh diberikan di bawah Akta ini melainkan suatu lesen telah diperolehi daripada Dato Bandar untuk membuka tempat hiburan di mana hiburan itu akan diadakan.

(5) Dato Bandar hendaklah membayar masuk semua wang yang dikutip di bawah seksyen ini ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Kuasa untuk menghendaki maklumat

6. (1) Bagi maksud menimbangkan sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen hiburan, Dato Bandar boleh menghendaki pemohon memberinya skrip, jika ada, dan apa-apa maklumat yang dinyatakannya yang berhubung dengan perkara-perkara yang berikut:

(a) butir-butir mengenai orang-orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan itu atau kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;

- (b) butir-butir mengenai orang-orang yang telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang telah mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang diundang untuk berbuat demikian dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu; dan
- (c) tujuan yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan "skrip" berhubungan dengan persembahan sesuatu lakon, ertinya teks lakon itu (sama ada yang dinyatakan dengan perkataan atau simbol muzik atau simbol lain) berserta dengan apa-apa arahan pentas atau arahan lain bagi persembahannya, sama ada terkandung dalam satu dokumen tunggal atau tidak.

(3) Bagi maksud untuk menimbang sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen untuk membuka tempat hiburan, Dato Bandar boleh menghendaki pemohon membekalkan kepadanya apa-apa maklumat tambahan sebagaimana yang dikehendakinya.

7. Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Dato Bandar.

Tempoh lesen.

8. Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah pada setiap masa dipamerkan di tempat hiburan.

Lesen hendaklah dipamerkan.

9. Sesuatu lesen tidaklah boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikira sebagai permohonan untuk mendapat suatu lesen.

Lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak.

**10.** (1) Dato Bandar boleh menghendaki mana-mana orang yang kepadanya lesen telah diberikan memberikan jaminan dalam bentuk yang ditentukan olehnya untuk memastikan bahawa syarat-syarat atau sekatan-sekatan

Jaminan.

lesen itu dan peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya adalah dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Dato Bandar boleh, selepas memberi orang itu hak, untuk didengar, melucuthakkan kesemua atau sebahagian daripada jaminan itu jika dia berpuas hati bahawa terdapat apa-apa pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen itu atau pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan.

(3) Dato Bandar hendaklah membayar masuk semua jaminan yang dilucuthakkan di bawah seksyen ini ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan kerajaan tempatan.

Pembatalan  
lesen.

**11.** (1) Dato Bandar boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau kedua-duanya jika telah berlaku pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau lesen-lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

(2) Penyampaian sesuatu notis pembatalan sesuatu lesen hendaklah dibuat dengan—

- (a) menampalkan suatu salinan notis itu di tempat hiburan;
- (b) menyampaikan suatu salinan notis itu kepada orang yang didapati menjaga dan menguruskan tempat hiburan itu; dan
- (c) menyampaikan suatu salinan notis kepada pemegang lesen itu sendiri jika sekiranya pemegang lesen dan orang yang disebutkan dalam perenggan (b) bukan orang yang sama.

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

**12.** Seseorang pemohon yang permohonannya supaya dia diberi suatu lesen hiburan atau suatu lesen untuk membuka tempat hiburan di bawah Akta ini ditolak, atau pemegang suatu lesen yang telah dibatalkan, atau mana-mana orang yang terkilan dengan pengenaan apa-apa syarat atau sekatan yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya sesuatu lesen diberikan atau mana-mana orang yang terkilan dengan perlucuthakan jaminan di bawah seksyen 10, boleh, dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu secara bertulis tentang penolakan itu, atau pembatalan itu, atau pengenaan syarat-syarat atau sekatan-sekatan atau perlucuthakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri, yang hendaklah mengesahkan atau mengetepikan keputusan itu dan keputusan Menteri itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah. Rayuan.

**13.** (1) Adalah menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang—

(a) memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa tiket untuk menghadiri, atau mengundang mana-mana orang menghadiri, mana-mana hiburan atau menyebabkan apa-apa pemberian, pembahagian, penjualan, penawaran atau undangan sedemikian dibuat; atau

(b) dengan apa-apa cara jua pun mengiklankan atau menyerantakan atau menyebabkan diiklankan atau diserantakan apa-apa hiburan yang hendak dipersembahkan di sesuatu tempat hiburan,

Larangan menjual, dsb., tiket bagi sesuatu hiburan dan mengiklankan atau menyerantakannya sebelum mendapat lesen.

melainkan jika suatu lesen telah diberikan di bawah seksyen 4 berkenaan dengan hiburan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## RANG UNDANG-UNDANG

Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran.

14. (1) Tiada seorang pun boleh menjual, atau menawarkan atau mempamerkan atau ada dalam miliknya untuk dijual, atau memujuk-rayu supaya dibeli, apa-apa tiket yang membenarkan atau berupa sebagai membenarkan kemasukan ke mana-mana tempat hiburan di mana-mana jalan lalu awam, atau di ruang masuk atau jalan masuk ke mana-mana tempat itu, kecuali di pejabat penjualan tiket, warung, pintu putar atau kaunter yang ditetapkan oleh tuan punya atau pengurus tempat itu atau oleh pengelola hiburan yang diadakan di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian.

15. Dato Bandar boleh, mengikut budi bicaranya, mengecualikan mana-mana hiburan atau kelas hiburan atau tempat-tertempat hiburan atau kelas tempat-tempat hiburan yang dicadangkan secara eksklusif bagi maksud keagamaan, pendidikan, rekreasi, sosial, kebajikan atau khairat, dan bukan untuk maksud kepentingan kewangan daripada mana-mana peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk masuk dan menyiasat.

16. Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa boleh, tanpa waran, memasuki mana-mana tempat hiburan di mana apa-apa hiburan sedang diadakan atau dicadangkan hendak diadakan dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat-syarat atau sekatan-sekatan apa-apa lesen yang diberikan di bawah Akta ini atau peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dipatuhi, dan boleh membuat apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan tempat hiburan itu dan meminta mana-mana orang mengemukakan barang-barang, buku-buku, akaun-akaun, tiket-tiket atau dokumen-dokumen atau benda-benda lain dan memberikan apa-apa maklumat

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

yang difikirkan perlu oleh pegawai atau orang itu bagi maksud itu:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak memakai uniform yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini hendaklah, apabila diminta, menunjukkan surat kuasanya untuk menjalankan kuasa-kuasa ini kepada mana-mana orang yang meminta, secara sah, supaya surat kuasa itu ditunjukkan.

17. Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa yang diberikuasa untuk menjalankan kuasa masuk dan menyiasat di bawah seksyen 16 boleh, tanpa menjejaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen itu, dengan serta-merta mengambil langkah-langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana tempat hiburan jika dia berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen yang telah diberikan di bawah Akta ini atau bahawa hiburan yang diadakan di dalamnya melanggar apa-apa peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya.

Kuasa  
menutup.

18. Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan, suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya memberikan nama, nombor kad pengenalan dan alamatnya.

Kuasa untuk  
menghendaki  
butir-butir.

19. (1) Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa boleh menangkap tanpa waran—

Kuasa  
penangkapan.

(a) mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan sesuatu kesalahan

terhadap Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya; atau

- (b) mana-mana orang yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk -meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikannya.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah seksyen ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan mahkamah dalam masa dua puluh empat jam kecuali, berkenaan dengan seseorang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) (b), jika nama dan alamatnya dipastikan sebelum itu dan sesudah itu dia hendaklah dibebaskan atas jaminan.

Pengele-  
dahan.

**20.** Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa yang menjalankan kuasa-kuasa masuk dan menyiasal di bawah seksyen 16 boleh, jika dia mempunyai alasan-alasan baik bagi mempercayai bahawa oleh sebab apa-apa keiengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan pengeledahan itu mungkin akan terkecewa, dengan atau tanpa bantuan memasuki mana-mana tempat hiburan jika dia ada alasan munasabah bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan dia boleh mengeledah mana-mana tempat dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya ada kaitan dalam pengurusan atau penganjuran apa-apa hiburan atau ialah seorang pengkhidmat atau ejen penganjur itu atau pemunya tempat itu:

Dengan syarat bahawa tiada perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seorang perempuan.

Kuasa  
menyita.

**21.** (1) Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa yang menjalankan kuasa-kuasa masuk dan menyiasat di bawah seksyen 16 boleh

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

menyita apa-apa dokumen atau benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dengan kes itu atau memberikan keterangan tentang perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

*N.M.B.,  
Bab 6.*

(2) Dato Bandar, pegawai polis atau orang yang diberikuasa yang menyita apa-apa dokumen atau benda di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan suatu senarai dokumen dan benda yang disita dan dengan serta-merta menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penduduk atau pernunya tempat hiburan atau pengkhidmat atau ejennya yang berada di tempat itu.

22. Semua benda yang disita di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

Benda-benda yang disita boleh dikenakan perlucuthakan.

23. (1) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau pelepasan apa-apa benda yang disita hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan berkenaan dengannya telah diadakan tetapi mahkamah itu hendaklah memerintahkan perlucuthakan jika dibuktikan sehingga ia berpuas hati bahawa suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan bahawa benda-benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan atau perlucuthakan benda-benda yang disita.

(2) Semua benda yang dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada Dato Bandar atau polis mengikut mana-mana yang berkenaan dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan-arahan Dato Bandar atau polis.

RANG UNDANG-UNDANG

Benda-benda yang disita yang berkenaan dengannya tiada pendakwaan disifatkan telah terlucuthak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan.

**24.** (1) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa benda yang telah disita di bawah Akta ini, benda-benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tarikh tersebut mengikut cara yang dinyatakan kemudian daripada ini.

(2) Mana-mana orang yang menuntut bahawa dialah pemunya apa-apa jua yang disita di bawah Akta dan bahawa apa-apa jua yang disita itu tidak boleh dilucuthakkan bolehlah, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis kepada Dato Bandar bahawa dia menuntut apa-apa yang disita itu.

(3) Apabila Dato Bandar menerima notis di bawah subseksyen (2), dia boleh mengarahkan supaya benda-benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret hendaklah mengeluarkan saman menghendaki orang yang menuntut bahawa dialah pemunya benda-benda yang disita dan orang yang daripadanya benda-benda itu disita hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau ingkar hadir, setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu dan apabila terbukti sesuatu kesalahan telah dilakukan terhadap Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya dan bahawa benda-benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, hendaklah mengarahkan supaya benda-benda itu dilucuthakkan atau, jika tiada bukti sedemikian, hendaklah mengarahkan supaya ia dilepaskan.

Halangan.

**25.** Mana-mana orang yang—

(a) menghalang Dato Bandar, mana-mana pegawai polis, atau orang diberikuasa yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah seksyen 16 untuk

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

masuk atau memeriksa mana-mana tempat hiburan atau yang berlengah-lengah mengemukakan apa-apa barang, buku, akaun, tiket, atau dokumen-dokumen atau benda-benda lain yang dia telah diminta mengemukakannya oleh Dato Bandar, pegawai polis, atau orang diberikuasa itu dan yang dia berkuasa atau sepatutnya berkuasa, dalam perjalanan biasa urusan, mengemukakannya;

- (b) enggan memberikan apa-apa maklumat yang dia dikehendaki memberinya oleh Dato Bandar, pegawai polis, atau orang diberikuasa atau yang, apabila dikehendaki memberikan maklumat oleh Dato Bandar, pegawai polis, atau orang diberikuasa, memberikan maklumat yang palsu atau yang rnengelirukan; atau
- (c) menghalang penyitaan apa-apa dokumen atau apa-apa benda lain di bawah sekysen 21, atau penutupan mana-mana tempat hiburan di bawah seksven 17,

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

26. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha, acau pegawai lain yang seumpamanya, bagi kumpulan orang itu, atau yartg berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa pembiarannya, dan bahawa dia telah menjalankan usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi-fungsi atas sifat itu dan memandangkan semua hal keadaan.

Liabiliti  
pengarah,  
dsb.

RANG UNDANG-UNDANG

(2) Mana-mana orang yang tetap bersalah melakukan suatu kesalahan jika apa-apa jua telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah bersalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau ditinggalkan oleh pekongsi, ejen, atau pengkhidmatnya dalam perjalanan urusan perkongsian itu atau dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan pekongsi, ejen atau pengkhidmat itu daripada dikenakan pendakwaan.

Penjalanan  
pendakwaan  
di mahkamah.

27. Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh mana-mana orang diberikuasa atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

Pengkom-  
paunan  
kesalahan-  
kesalahan.

28. (1) Dato Bandar boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan terhadap Akta ini dan mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan menerima sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu.

(2) Apabila bayaran di bawah subseksyen (1) diterima, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa jua yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan.

(3) Apa-apa wang yang dibayar kepada Dato Bandar menurut peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah dibayar masuk ke dalam dan menjadi sebahagian

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

daripada wang kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan kerajaan tempatan.

29. Mana-mana orang yang bersalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana kaedah di bawahnya yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Penalti am.

30. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik dan, tanpa menjejaskan keluasan makna seksyen ini, kaedah-kaedah itu boleh— Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.

- (a) menetapkan apa-apa fee yang perlu bagi maksud-maksud Akta ini;
- (b) menetapkan borang-borang bagi permohonan lesen-lesen dan lesen-lesen yang akan dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (c) menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur-prosedur bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan itu;
- (d) menetapkan hiburan atau kelas-kelas hiburan atau tempat-tempat hiburan atau kelas-kelas tempat hiburan yang dikecualikan daripada mana-mana peruntukan Akta ini; dan
- (e) mengadakan peruntukan bagi pengawalan dan pemeriksaan tempat-tempat hiburan.

31. Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977 adalah dengan ini dimansuhkan: Pemansuhan dan kecualian. Akta 182.

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-

## RANG UNDANG-UNDANG

kesalahan yang dilakukan, sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, di bawah Akta yang dimansuhkan;

- (b) apa-apa prosiding yang belum diputuskan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah diteruskan di bawah undang-undang yang dimansuhkan seolah-olah Akta ini tidak dibuat;
- (c) lesen-lesen yang telah dikeluarkan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa seolah-olah ia telah diberikan di bawah Akta ini dan boleh dibatalkan di bawah Akta ini; dan
- (d) perlantikan-perlantikan atau pemberikuasaan-pemberikuasaan yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa seolah-olah ia dibuat di bawah Akta ini, sehingga dibatalkan atau digantikan di bawah Akta ini.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawatan hiburan dan tempat-tempat hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- 2. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan di dalam Akta. Perkataan "hiburan" ditakrifkan secara umum supaya meliputi pelbagai aktiviti di mana-mana tempat hiburan yang orang ramai dibenarkan masuk ke situ.
- 3. *Fasal 3* membuat peruntukan bagi Menteri memberikan arahan-arahan kepada Dato Bandar tentang penjalanan kuasa-kuasa dan budi-budi bicara yang diberikan kepadanya.
- 4. *Fasal 4* melarang apa-apa hiburan diadakan di mana-mana tempat hiburan melainkan lesen-lesen ada dikeluarkan berkenaan dengan hiburan dan tempat hiburan itu. Pelanggaran peruntukan ini menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

5. *Fasal 5* menyatakan kehendak-kehendak berhubungan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan dan lesen untuk membuka tempat hiburan. Permohonan hendaklah dibuat kepada Dato Bandar dalam borang yang akan ditetapkan. Dato Bandar mempunyai budi bicara sama ada hendak memberikan lesen atau tidak. Jika permohonan dibenarkan lesen akan dikeluarkan apabila dibayar fee yang ditetapkan. Di bawah *subfasal (5)*, wang yang dikutip daripada pemberian lesen hendaklah dibayar masuk ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan kerajaan tempatan.
6. *Fasal 6* memberikan kuasa kepada Dato Bandar untuk menghendaki pemohon memberinya skrip (jika ada) dan maklumat lain yang dikehendaknya bagi maksud memutuskan sama ada hendak memberikan lesen atau tidak.
7. *Fasal 7* memperuntukkan bahawa sesuatu lesen yang dikeluarkan adalah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Dato Bandar.
8. *Fasal 8* menghendaki supaya lesen dipamerkan di tempat ketara di tempat hiburan itu pada setiap masa.
9. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa lesen tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak.
10. *Fasal 10* memberikan kuasa kepada Dato Bandar untuk menghendaki seseorang pemegang lesen memberikan jaminan bagi pematuhan syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen serta juga peruntukan-peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Sekiranya berlaku pelanggaran, jaminan yang diberikan boleh dilucuthakkan kesemuanya atau sebahagiannya.
11. *Fasal 11* memberikan kuasa kepada Dato Bandar untuk membatalkan sesuatu lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau kedua-duanya jika telah berlaku pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. *Subfasal (2)* menyatakan cara bagaimana penyampaian notis pembatalan hendaklah dilaksanakan.
12. Rayuan kepada Menteri terhadap keengganan untuk memberikan lesen, atau pembatalan lesen, atau pengenaan syarat-syarat atau sekatan-sekatan ke atas lesen atau perlucuthakan jaminan adalah diperuntukkan dalam *fasal 12*. Rayuan itu mesti diserahkan dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu tentang keengganan, pembatalan, pengenaan syarat-syarat atau sekatan-sekatan atau perlucuthakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## RANG UNDANG-UNDANG

13. *Fasal 13* melarang mana-mana orang memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk dijual apa-apa tiket untuk menghadiri sesuatu hiburan atau mengeluarkan undangan untuk menghadiri mana-mana hiburan melainkan suatu lesen telah dikeluarkan di bawah *fasal 4*. Ia juga melarang mana-mana orang mengiklankan atau menyerentakan mana-mana hiburan melainkan jika lesen yang serupa telah dikeluarkan.

14. *Fasal 14* menghadkan penjualan tiket untuk menghadiri sesuatu hiburan di pejabat penjualan tiket, warung, pintu putar atau kaunter yang ditetapkan bagi maksud penjualan tiket.

15. Di bawah *fasal 15* Dato Bandar diberikuasa untuk mengecualikan mana-mana hiburan secara am atau secara khusus daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta di atas beberapa sebab.

16. *Fasal 16* memberikan kuasa kepada Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana orang diberikuasa masuk tanpa waran ke dalam mana-mana tempat hiburan yang di situ suatu hiburan sedang diadakan atau dicadangkan hendak diadakan dengan tujuan hendak menentukan sama ada syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen yang diberikan atau peruntukan-peruntukan Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dipatuhi. Pada menjalankan kuasa-kuasa masuk dan menyiasat itu mereka boleh, di bawah *fasal 17*, mengambil langkah-langkah untuk menutup mana-mana tempat hiburan jika berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran syarat-syarat, sekatan-sekatan atau peruntukan-peruntukan itu. Mereka boleh juga mengeledah mana-mana tempat dan memeriksa mana-mana orang yang dipercayai terlibat dengan pengurusan atau penganjuran hiburan itu atau menjadi pengkhidmat atau ejen penganjur atau pemunya premis itu. Ini diperuntukkan dalam *fasal 20*. Di bawah *fasal 21* mereka boleh menyita apa-apa dokumen atau benda yang semunasabahnya dipercayai mempunyai kaitan dengan kes itu atau memberikan keterangan tentang perlakuan suatu kesalahan di bawah Akta. Penghalangan Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa dalam penjalanan tugas-tugas mereka di bawah *fasal 16, 17* atau *21* akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam *fasal 25*.

17. Di bawah *fasal 18* Dato Bandar, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini memberikan butir-butir tentang namanya, nombor kad pengenjalannya dan alamatnya. Di bawah *fasal 19* mereka boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang enggan memberikan nama dan alamatnya atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan atau mana-mana orang

HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR)

yang semunasabahnya dipercayai telah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta. *Subfasal (2)* menetapkan prosedur yang perlu diikuti jika suatu penangkapan dibuat di bawah *fasal 19*.

18. *Fasal 22, 23 dan 24* adalah berhubungan dengan perlucuthakan benda-benda yang disita di bawah Akta. Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan diadakan hendaklah membuat perintah bagi perlucuthakan atau pelepasan apa-apa jua yang disita tetapi jika dibuktikan bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan dan bahawa benda-benda itu ialah hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu, perintah perlucuthakan hendaklah dibuat. Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa jua yang disita, benda-benda itu hendaklah disifatkan telah terlucuthak apabila tamat satu bulan kalender melainkan jika tuntutan dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam *fasal 24*,

19. *Fasal 26* membuat peruntukan supaya pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai yang seumpamanya, bagi sesuatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan, boleh dikenakan liabiliti bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah melakukan usaha yang sewajarnya untuk mencegah pelakuannya. *Subfasal (2)* menjadikan seseorang pekongsi bertanggung bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan pekongsinya, dan seseorang majikan bertanggung bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan ejennya atau pengkhidmatnya, jika perkara itu telah dilakukan atau telah tidak dilakukan dalam perjalanan urusan pengkongsian itu atau perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang perlu untuk mencegahnya.

20. *Fasal 27* membuat peruntukan supaya pendakwaan kesalahan-kesalahan dijalankan oleh orang diberikuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

21. *Fasal 28* memberikan kuasa kepada Dato Bandar untuk mengkompaunkan kesalahan-kesalahan yang ditetapkan sebagai boleh dikompaunkan.

22. *Fasal 29* menyatakan penalti am bagi kesalahan-kesalahan jika tiada penalti yang nyata diperuntukkan baginya.

23. *Fasal 30* memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki supaya ditetapkan dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dengan lebih baik.

24. *Fasal 31* mengadakan peruntukan-peruntukan pemunsuhan dan kecualian.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1572.]